

UMP Jalin Kerjasama dengan Universiti Kazakhstan



Pekan, 18 Mei – Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperluaskan bidang akademik dan penyelidikan universiti ini apabila menjalinkan kerjasama strategik dengan Universiti Baishev Aktobe's (UBA), Kazakhstan baru-baru ini.

Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Daing Nasir Ibrahim berkata, tumpuan kerjasama dengan UBA adalah melibatkan pertukaran pelajar, latihan, bidang penyelidikan dan pertukaran staf terutamanya dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE).

"Kerjasama membabitkan kedua-dua universiti ini akan memantapkan lagi dalam hubungan dua hala. Antara bentuk kerjasama yang telah dikenal pasti adalah penganjuran bersama seminar, pembangunan kajian kes dan program latihan praktikal untuk pelajar dan staf," katanya.



Ujar beliau, kerjasama ini dilihat sebagai satu peluang yang baik untuk berkongsi kepakaran dengan institusi yang berpengalaman seperti UBA ini. Selain itu ianya juga mampu memperkasakan program kejuruteraan serta membuka ruang yang luas untuk kerjasama strategik antara kedua-dua belah pihak.

Beliau juga turut memuji inisiatif FKEE dalam menggerakkan usaha menjalinkan hubungan kerjasama dengan beberapa rakan dari industri tertentu untuk menjadi pemangkin dalam pembangunan industri dan menghasilkan produk penyelidikan.



Dalam majlis ini menyaksikan UMP diwakili Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Dr. Mohd Yuhyi Mohd Tadza menandatangani memorandum persefahaman (MoU) manakala pihak UBA diwakili Presiden UBA, Profesor Bekezhen Akhan. Turut berlangsung memorandum perjanjian antara UMP dengan universiti ini menerusi penyelar UMP, Dr. Mahyuddin Ismail. Hadir sama Dekan FKEE, Prof. Madya Dr. Kamarul Hawari Ghazali dan Timbalan Presiden UBA, Prof. Madya Serik Akhanov.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 17-06-2015, 12:54:17